

KURSUS PEMBANGUNAN KOMPETENSI

- 1) Jika saya belum mendapat perakuan Ketua Jabatan, bolehkah saya hadir latihan yang ditawarkan?
 - Tidak boleh. Anda hanya boleh hadir selepas mendapat perakuan Ketua Jabatan.

- 2) Mengapa saya tidak terpilih, sedangkan saya telah memohon untuk menyertai kursus lebih awal?
 - Walaupun anda telah memohon lebih awal, anda mungkin tidak terpilih kerana keutamaan diberikan kepada:
 - a) Kakitangan yang belum memenuhi keperluan jam latihan tahunan;
 - b) Anda baru sahaja menghadiri program latihan anjuran pihak Profesional-UKM;
 - c) Anda tidak hadir program latihan yang telah anda sahkan kehadiran dengan pihak Profesional-UKM tanpa memberikan alasan yang munasabah; atau
 - d) Permohonan anda lewat diperakukan.

- 3) Apakah tindakan yang akan dikenakan sekiranya saya tidak hadir kursus setelah saya mengesahkan kehadiran?
 - a) Anda perlu memaklumkan ketidakhadiran anda kepada pihak Profesional-UKM secara bertulis selewat-lewatnya 3 hari sebelum tarikh kursus; dan
 - b) Sebarang pemakluman selepas daripada tempoh tersebut akan tetap dikenakan caj **30%** daripada kos latihan yang ditolak daripada peruntukan Fakulti/Pusat/Institut.

- 4) Sekiranya saya tidak dapat hadir di saat akhir, bolehkah tempat saya digantikan dengan orang lain?
 - Ya, boleh. Tempat anda boleh digantikan dengan orang lain dan tugas mendapatkan pengganti adalah tanggung jawab anda sendiri. Sekiranya tiada pengganti, perkara 3 (b) adalah terpakai.

5) Apakah tindakan yang akan dikenakan sekiranya saya tidak menghadiri latihan sepenuhnya?

- a) Sebarang kegagalan untuk memenuhi sekurang-kurangnya 80% keperluan latihan akan menyebabkan anda tidak layak mendapat sijil atau tidak layak menerima kredit penuh jam latihan; dan
- b) Pemakluman tentang kegagalan menghadiri program latihan ini akan dihantar kepada Ketua PTJ anda.

6) Adakah pengangkutan disediakan untuk ke tempat kursus?

- Sekiranya pengangkutan disediakan, maklumat akan dinyatakan dalam tawaran kursus.

7) Adakah saya boleh hadir kursus bukan bidang saya?

- Ya, anda boleh menghadiri kursus yang bukan bidang anda tetapi keutamaan diberikan berdasarkan keperluan tugas di jabatan penempatan anda.

8) Bolehkah saya buat tuntutan elaun kerja lebih masa atau cuti tanpa rekod semasa berkursus?

- Tidak boleh. (**rujuk pekeliling perkhidmatan**)

9) Saya kakitangan Hospital Tuanku Mukhriz, bolehkah saya membuat tuntutan elaun perjalanan ke kampus Bangi?

- Ya, boleh sekiranya pengangkutan tidak disediakan dan tuntutan itu mendapat perakuan Ketua Jabatan anda.

10) Saya telah memenuhi keperluan latihan 7 hari atau 42 jam setahun, bolehkah saya hadir kursus lagi?

- Ya, boleh. Tertakluk kepada kekosongan tempat.

11) Saya bertugas di kampus Bangi, bolehkah saya memohon untuk menyertai kursus anjuran Hospital Tuanku Mukhriz (PPUKM)? Bagaimana jika sebaliknya?

- Ya, boleh. Tertakluk kepada kekosongan tempat.

12) Mengapa saya tidak boleh membuat permohonan kursus di eSPeL?

a) Permohonan telah ditutup; atau

b) Kursus tersebut adalah kursus khas untuk kumpulan sasaran atau PTJ tertentu; atau

c) Anda masih belum mengemukakan hasil penilaian/keberkesanan latihan yang lepas; atau

d) Maklumbalas keberkesanan latihan anda masih belum diprakukan.

13) Bolehkah individu yang bukan kakitangan UKM memohon untuk menghadiri kursus anjuran Profesional-UKM?

- Ya, boleh tetapi tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan untuk kursus berkenaan.